

مسلمین

MÜSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama

JULAI
2022M
Zulhijjah 1443H - Muharram 1444H
Tahun 34 • Bil 7



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



BERITA UTAMA

BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN HARI KEPUTERAAN

» 3



5

Berkenan Sempurnakan Ibadah Korban Sunat

Pada tahun ini, 194 ekor binatang korban, iaitu sebanyak 180 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan.



7

Berangkat Ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1444 Hijrah

Majlis Sambutan Awal Tahun 1444 Hijrah juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Ibadah Korban Terus Giat Dilaksanakan.

8

Semarak Hari Kebesaran Islam Bersama Muallaf.

13

Peserta Program Tadreeb Al-Mu'allim Diraikan.

9

BIBD Connects Asnafpreneurs Nite Market.

14

Anak Damit I Muharram Diraikan.

10-11

Penghargaan Untuk Pelajar Cemerlang.

15

Zahirkan Kesyukuran Atas Kepimpinan Adil dan Bijaksana.

12

60 Terima Agihan Daging Korban

19



20

Sertai Rakyat Tunaikan Sembahyang Aidiladha

Berkenan berangkat menyertai para jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha 1443 Hijrah.

Zikir Harian

يا حي يا قيوم رب رحمتك أوسع عرشك

Wahai Allah yang Hidup (sentiasa kekal),
Wahai Allah yang Bangun (Mentadbir urusan hamba-Nya),
Aku mohon dari-Mu bantuan

FADHILATNYA:

Sesiapa yang mengamalkan zikir ini, *in sya Allah* akan selalu berkecukupan dan selalu saja dalam jalan rezeki, dan terlindung daripada sihir, penipuan dan terselamat daripada tipu daya.

| Lidah Pengarang |



BULAN PENUH KESYUKURAN

Ketibaan Aidiladha memberi peluang bagi umat Islam untuk memantapkan aqidah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Salah satunya adalah melalui ibadah korban.

Sesungguhnya ibadah korban itu berperanan sebagai platform bagi seseorang individu itu menzahirkan kesyukuran di atas ni'mat yang dilimpahkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepadanya.

Di samping itu juga, ibadah korban merupakan sebahagian dari syi'ar agama yang mesti kita agungkan. Antara hikmah yang terdapat di dalam pelaksanaan ibadah korban itu bukan hanya dicapai oleh pihak yang berkorban sahaja, tetapi juga oleh pihak yang diagih-agihkan daging korban tersebut, antaranya golongan fakir dan miskin. Ketika inilah mereka yang berkorban berpeluang mengembirakan golongan ini dengan mengongsikan ni'mat dan rezeki semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sebagaimana yang kita sedia maklum juga, pada bulan ini setiap tahun kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini menyambut dan meraikan hari keputeraan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Baginda adalah seorang raja yang sentiasa memedulikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat baginda. Lebih-lebih lagi dalam perkara yang melibatkan kepentingan, kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk baginda.

Justeru, sama-sama kita berdoa agar raja yang kita kasihi dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kekal qarar memerintah negara serta mendapat rahmat, pemeliharaan dan perlindungan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan mudah-mudahan negara kita terus aman, makmur, selamat dan sejahtera di bawah kepimpinan negara yang adil lagi bijaksana. ■

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN HARI KEPUTERAAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersama paduka-paduka anakanda berkenan sama-sama para jemaah menunaikan sembahyang berjemaah.

KIARONG, Khamis, 14 Zulhijjah

bersamaan 14 Julai - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-76, yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar,

Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja

Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Sembahyang fardhu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Bacaan Surah Yasin dan Tahlil, diimamkan dan dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Sementara doa kesyukuran pula dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Atur cara diakhiri dengan Sembahyang fardhu Isya' berjemaah, diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, tumpuan bagi acara keagamaan itu juga diadakan di masjid-masjid seluruh negara.

Bagi Daerah Tutong, majlis >> 4 diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong, ms. 4



PARA jemaah yang hadir di majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah beserta kerabat diraja semasa berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-76 Tahun..

«3 ms. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Awang Ajmin bin Haji Meludin, Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Hadir pada majlis berkenaan ialah para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan serta penduduk Daerah Tutong.

Di Daerah Belait pula, majlis berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Turut hadir ialah Awang Mohammad Yassin bin Haji Ahmed, Pemangku Pegawai Daerah Belait; Awang Akup bin Haji Lamat, Pegawai Hal Ehwal Masjid; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, di Daerah Belait.

Sementara bagi Daerah Temburong, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' Berjemaah, Membaca Surah Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan bagi Daerah Temburong diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara yang menyertai majlis tersebut ialah Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, Pemangku Pegawai Temburong selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan bagi Daerah Temburong. ■



MAJLIS Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-76, yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.



MAJLIS Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-76, yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.



MAJLIS Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-76, yang berlangsung di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

BERKENAN SEMPURNAKAN IBADAH KORBAN SUNAT

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersama Paduka-paduka Anakanda ketika berkenan berangkat ke majlis ibadah korban sunat sejurus selepas sembahyang sunat Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

KIARONG, Ahad, 10 Zulhijjah bersamaan 10 Julai - Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda Tahun 1443 Hijrah, berlangsung di Pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sejurus selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja ke pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam dan Kebawah DYM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta Kerabat baginda Tahun 1443H, terdiri daripada Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang

Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd Taha, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli ms. 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyempurnakan penyembelihan seekor kambing.

«5 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Di majlis tersebut, penyembelihan empat ekor kambing berkenan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda.

Penyembelihan binatang-binatang korban Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat baginda yang selebihnya disempurnakan di Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd., Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong, Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-Anak, di Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut, Negara Brunei Darussalam.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Pada tahun ini, 194 ekor binatang korban, iaitu sebanyak 180 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan serta sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagihkan kepada sejumlah 17,406, iaitu 16,158 asnaf fakir dan miskin berserta tanggungan, 1,248 dalam kalangan ibu tunggal serta dalam kalangan warga emas di seluruh negara. ■



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga berkenan menyempurnakan penyembelihan seekor kambing.



PENYEMBELIHAN juga disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga berkenan menyempurnakan penyembelihan.

BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1444 HIJRAH

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Zulhijjah bersamaan 29 Julai – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1444 Hijrah Peringkat Negara, di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta anakanda-anakanda baginda semasa berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1444 Hijrah.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang

Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Sejurus selepas bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah yang dipimpin oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan diikuti dengan laungan azan sembahyang fardhu Maghrib oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Salleh.

Sembahyang fardhu Maghrib yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie, kemudiannya memimpin bacaan Doa Awal Tahun Hijrah.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah pula diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Manakala bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai pula dipimpin oleh penuntut Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Rimba.

Sementara itu, bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an dipersembahkan oleh Awang Haji Hazwan bin Haji Salim, Johan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Tahun 1443H / 2022M Peringkat Akhir, diikuti dengan tazkirah Hijrah yang disampaikan oleh Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid, Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bagi memohon keberkatan dan rahmat di majlis yang berkebakikan itu, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Majlis Sambutan Awal Tahun 1444 Hijrah juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara. ■



BAGI memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

IBADAH KORBAN TERUS GIAT DILAKSANAKAN

Oleh : Hajah Ratna Wati
Haji Abdul Karim

TUTONG, Rabu, 13 Zulhijjah bersamaan 13 Julai - Sebanyak lima ekor kerbau telah dikorbankan dalam Majlis Ibadah Korban Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1443 Hijrah/2022 Masihi. Majlis berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri.

Majlis bermula dengan laungan takbir dan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Hizbullah bin Haji Mohd. Noah, imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Majlis Ibadah Korban didahului dengan kegiatan memucang-mucang, melapah dan memotong daging dilaksanakan dengan menggabungkan Ahli-ahli Muzakarah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang bersama-sama dengan sukarelawan Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid serta penduduk-penduduk Mukim Kiudang. Turut serta dalam kegiatan memucang-



YANG Berhormat berkesudian memulakan acara memucang-mucang, melapah dan memotong daging korban di majlis tersebut.



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan pengagihan daging ibadah korban sunat kepada salah seorang penerima.

mucang tersebut ialah Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal ugama dan isteri.

Pengagihan sebahagian daging ibadah korban kepada seramai 53 orang ketua keluarga asnaf fakir miskin dari Mukim Kiudang serta 115 orang tanggungan mereka dan 40 orang asnaf muallaf juga dari Mukim Kiudang, peserta-peserta ibadah korban, Ahli Muzakarah Kementerian, para jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan isteri bersama dengan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri serta diikuti penyampaian oleh Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama, Awang Haji Umarali bin Esung; mantan Penghulu Mukim Kiudang; Pemangku Ketua Kampong Kiudang / Pad Nunok; Pemangku Ketua Kampong Pengkalan Mau Bekiau / Batang Mitus; Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir dan mantan Ketua Kampong Birau. Turut hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Kegiatan seumpama ini dihasratkan dapat memberi kesempatan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama menyantuni saudara-saudara baharu di Mukim Kiudang, Daerah Tutong dan juga dapat merasakan suasana merayakan dan membesarkan Hari Raya Aidiladha dan Majlis Ibadah Korban.

Majlis Ibadah Korban pada tahun ini diselenggarakan bersama oleh Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, Bahagian Perhubungan Awam, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan serta Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

PESERTA PROGRAM TADREEB AL-MU'ALLIM DIRAIKAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan cenderamata kepada Tuan Yang Terutama Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam.

GADONG, Isnin, 25 Zulhijjah bersamaan 25 Julai - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Unit Program Ta'zeez Al-Lughah Al-'Arabiah Bi Madaris 'Arabiah dan Jabatan Pengajian Islam mengukuhkan beberapa program bagi meningkatkan kapasiti serta kemahiran penguasaan Bahasa Arab bagi tenaga pengajar dan pelajar-pelajar, di persekolahan Arab, Negara Brunei Darussalam.

Program Tadreeb Al-Mu'allim merupakan salah satu program yang dilaksanakan bermula pada tahun 2021.

Program merupakan latihan kemahiran pengajaran Bahasa Arab dengan kerjasama dari Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman.

Program selama tiga bulan yang dijalankan sepenuhnya dalam talian ini

disasarkan kepada guru-guru Bahasa Arab, di sekolah-sekolah Arab.

Seramai 109 guru, yang terlibat mengikuti program iaitu 44 guru pada pengambilan pertama dan 65 guru pada pengambilan kedua.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran dan Penyampaian Sijil bagi program tersebut berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para penerima, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis diadakan antara lain adalah sebagai penghargaan kepada guru-guru yang terlibat dalam program

pembangunan profesional bagi peningkatan kemahiran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Inisiatif pengukuhan usaha-usaha yang dilaksanakan melalui Jabatan Pengajian Islam dan Unit Program Ta'zeez Al-Lughah Al-'Arabiah Bi Madaris 'Arabiah bagi membudayakan bahasa Arab di sekolah-sekolah Arab, selain mengukuhkan jalinan kerjasama dalam bidang pendidikan bersama pihak Kesultanan Oman.

Majlis diselenggarakan dengan penyerahan buku-buku Bahasa Arab sumbangan daripada Kerajaan Kesultanan Oman, disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam kepada Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Arab. ■

ANAK DAMIT 1 MUHARRAM DIRAIKAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TETAMU-tetamu kehormat majlis dan tetamu-tetamu khas yang hadir pada Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharram 1444 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Muharram bersamaan 31 Julai - Seramai 10 anak damit dicatatkan lahir di seluruh daerah pada 1 Muharram 1444 Hijrah.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mencatatkan kelahiran lapan anak damit iaitu tiga lelaki dan lima perempuan dan seorang anak damit perempuan lahir di Jerudong Park Medical Centre. Manakala di Daerah Belait pula mencatatkan kelahiran seorang anak damit perempuan.

Sehubungan itu, sebagai menandakan syukur atas kelahiran anak-anak damit tersebut, Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 1 Muharram 1444 Hijrah sempena Sambutan Awal Tahun Baharu 1444 Hijrah Peringkat Negara bagi Daerah Brunei dan Muara telah diadakan di Pusat Perempuan dan Kanak-kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; dan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof

selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan isteri.

Turut hadir, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri beramah mesra bersama ibu bapa anak-anak damit 1 Muharram.

Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri; Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebagaimana lazimnya, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad turut sama memberikan sumbangan masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) juga menyampaikan hadiah anak damit dari Perbadanan TAIB dan Awang Haji Maswadi selaku Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam menyampaikan hadiah daripada Syarikat Takaful Brunei Darussalam.

Setiap seorang anak damit menerima hadiah berupa barangan anak damit bernilai BND200 dan buku ugama sumbangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Akaun Simanja bernilai BND200 dan hamper barangan anak damit bernilai BND50 serta baucer sejumlah BND250 bagi penyertaan Takaful Nur Savings dan Gym Mat untuk anak-anak damit yang baru lahir.

Selain melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di atas kelahiran anak damit pada awal tahun hijrah, majlis juga merupakan salah satu cara bagi menyebarkan dakwah Islamiah dan menjadikan Taqvim Hijrah terus mendapat tempat penggunaannya dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-anak Damit Yang Lahir Pada 1 Muharram 1444 Hijrah juga diadakan di Daerah Belait. Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Dr. Dayang Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan. ■



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penjaga anak damit yang dilahirkan pada 1 Muharram 1444 Hijrah.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan hadiah anak damit daripada Perbadanan TAIB.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut sama berkesudian menyampaikan hadiah kepada salah seorang ibu anak damit.

ZAHIRKAN KESYUKURAN ATAS KEPIMPINAN ADIL DAN BIJAKSANA

Oleh : Dahlan Chuchu

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Zulhijjah bersamaan 22 Julai

- Dalam memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Pusat Da'wah Islamiah mengadakan Persembahan Bercorak Keagamaan, di Pentas Perayaan, Kawasan Lapang berhadapan Muzium Alat-Alat Kebesaran Diraja.



TETAMU kehormat bersama tetamu kahas semasa menghadiri Persembahan Bercorak Keagamaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-76 Tahun.

Persembahan bercorak keagamaan itu merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan Pusat Da'wah Islamiah bertujuan memberi peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah dan para Mahasiswa Latihan Industri di pusat tersebut serta para muallaf, dalam menzahirkan rasa kasih sayang dan syukur atas kepimpinan yang adil lagi bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tetamu kehormat pada malam tersebut ialah Awang Haji Mohd. Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Acara bermula dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah serta doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Antara pengisian atur cara ialah Persembahan Puisi, bertajuk Dirgahayu Tuanku daripada Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, diikuti Persembahan Tausyeh daripada gabungan para Mahasiswa Latihan Industri, Pusat Da'wah Islamiah.

Turut diadakan, Persembahan Nasyid oleh muallaf dari Rumah Kegiatan Kampong Bebuloh dan Persembahan Drama, berjudul 'Gara-Gara Bunga' oleh gabungan daripada para Mahasiswa Latihan Industri, di PDI serta dimeriahkan lagi dengan acara kuiz untuk orang ramai. ■



PERSEMBAHAN Nasyid oleh muallaf dari Rumah Kegiatan Kampong Bebuloh memeriahkan lagi acara malam tersebut.



AWANG Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah turut mendeklamasikan puisi bertajuk "Dirgahayu Tuanku."

SEMARAK HARI KEBESARAN ISLAM BERSAMA MUALLAF

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



TETAMU kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah semasa menagih-agihkan daging korban kepada salah seorang penerima di majlis tersebut.

PULAIE, Rabu, 13 Zulhijjah bersamaan 13 Julai.

- Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Kelas Bimbingan Muallaf (KBM), Daerah Brunei dan Muara telah melaksanakan Majlis Ibadat Korban Sunat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis Ibadah Korban Sunat Ke-9 yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie tersebut dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan

Saiyidul Istighfar oleh Awang Haji Nazir bin Haji Othman, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Sebanyak empat ekor kerbau dikorbankan dan daging-daging korban tersebut diagihkan kepada fakir dan miskin dari kalangan muallaf di Daerah Brunei dan Muara.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah; Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah dan Awang Haji Hazwan bin Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Nurul Islam.

Majlis merupakan acara tahunan jabatan Pusat Da'wah Islamiah dalam sama-sama menyemarakkan syiar Islam di samping memupuk serta menyemai kesedaran terhadap tuntutan agama dan membantu orang-orang yang kurang berkemampuan.

Antara tujuan lain ialah bagi memeriahkan lagi hari-hari kebesaran Islam, meningkatkan keimanan dan ketakwaan para peserta khususnya dalam perkara berkebakikan sekali gus mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga Pusat Da'wah Islamiah dan muallaf dalam kerja bergotong-royong melapah daging-daging ibadah korban. ■

BIBD CONNECTS ASNAFPRENEURS NITE MARKET



DR Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, semasa merasmikan BIBD Connects Asnafpreneurs Nite Market di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Zulhijjah bersamaan 22 Julai - Sebagai usaha menyediakan ruang niaga kepada pengusaha-pengusaha terdiri daripada golongan asnaf zakat dan usahawan kecil penerima bantuan Skim Kebajikan Negara, Konsortium Muallafpreneurs di bawah kendalian Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Qalam Academy dan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan BIBD Connects Asnafpreneurs Nite Market di BIBD Connects, di Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Projek BIBD Connects Asnafpreneurs Nite Market ini dianjurkan dengan objektif utama untuk menyediakan ruang niaga (marketplace) kepada

pengusaha-pengusaha terdiri daripada golongan asnaf zakat dan usahawan kecil penerima Bantuan Skim Kebajikan Negara.

Projek yang berlangsung selama 10 malam bermula 22 hingga 31 Julai 2022, dari jam 4.00 petang hingga 10.00 malam ini adalah bersempena



DR Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyaksikan pameran dan jualan daripada pengusaha-pengusaha terdiri daripada golongan asnaf zakat dan usahawan kecil penerima Bantuan Skim Kebajikan Negara.

Oleh : Azizah Hidup

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76.

Sebanyak 19 petak jualan makanan, minuman dan kraftangan serta aktiviti dan pameran disediakan untuk acara jualan berkenaan yang disertai oleh usahawan-usahawan termasuk Konsortium Muallafpreneurs, Syarikat Gabungan Usahawan Transformasi IKIP, BIBD SEED, Rakan Seliaan Jabatan Penjara dan Usahawan Bakariah Yayasan.

Di samping acara jualan, beberapa aktiviti juga disusun bagi memeriahkan lagi acara berkenaan antaranya Peraduan Mewarna bagi Kanak-Kanak, Tausyeh dan Kuiz, Tazkirah, Tabata, Perlumbaan Kereta RC serta Pertunjukan Kucing. ■

PENGHARGAAN UNTUK PELAJAR CEMERLANG

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



AWANG Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 14 Zulhijjah bersamaan 14 Julai - Seramai 354 penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) menerima sijil-sijil penghargaan pada Majlis Khatam Al-Qur'an dan Majlis Haflut Takharruj yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Penuntut-penuntut yang diraikan merupakan penuntut-penuntut tahun 10 (Fast-Track) dan tahun 11 (Normal-Track) yang telah menamatkan pengajian mereka pada tahun lepas.

Tetamu kehormat majlis ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang juga seterusnya menyampaikan sijil khatam al-Qur'an dan sijil tamat pengajian kepada para penuntut.

Majlis Khatam Al-Qur'an dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan

Surah al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan doa sebelum membaca al-Qur'an dan surah-surah lazim oleh peserta-peserta khatam.

Bacaan takhdim dibacakan oleh penuntut-penuntut Tahun 10 dan doa khatam pula dipimpin oleh Dayang Nurul Hasanah binti Haji Rosli, antara penuntut yang diraikan. Majlis diserikan lagi dengan Dikir Asyraqal oleh penuntut-penuntut Tahun 10.

Sementara itu, seramai 36 orang penuntut menerima hadiah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Bersijil Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan empat orang menerima hadiah Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Bersijil BC GCE 'O' Level.

Majlis merupakan aktiviti tahunan SUAMPRIPAHS bertujuan memupuk rasa kecintaan dan minat pelajar-pelajar terhadap pembacaan al-Qur'an dengan baik dan sempurna, sekali gus menjadikannya sebagai amalan harian.

Majlis Penyampaian Sijil diadakan adalah untuk memberigakan pendidikan Islam dan Arab kepada masyarakat Negara Brunei Darussalam; menzahirkan kegembiraan, kesyukuran serta penghargaan di atas kejayaan pelajar di dalam peperiksaan SPUB dan BC GCE 'O' Level memotivasikan pelajar-pelajar SUAMPRIPAHS untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim dan kerjasama di antara para ibu bapa dan warga sekolah. ■

Diari Hidayah

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Mafhumnya:
 Sesungguhnya Kami telah menunjukkan jalan kepadanya (maka terserahlah kepadanya untuk memilih) sama ada dia bersyukur ataupun dia kufur.

Surah al-Insan ayat 3

Majlis Pengislaman
JULAI
 2022



STATISTIK PENGISLAMAN
 Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
 Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



| Features |

DIVINE MAHABBAAH

Love of Allah, for Allah, by Allah, With Allah

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

A Poor Woman's Contribution

After leaving the mosque in which he had just called upon the muslim community to defend their land and to Jihad for the sake of Allah, Abu Qudamah was stopped by a woman who said: "I heard you in the mosque encouraging the 43 believers to go for Jihad and all I have is this." She handed him two long braids. "It can be used for a horse rein. Perhaps Allah may write me as one of those who went for Jihaad."

Mahabbah of Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam.

It is also an Islamic obligation to love the Messenger of Allah because it is part of loving Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Indeed, the faith or iman of a person is not complete until he loves Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* more than he loves himself. This is clearly stated in a hadiths by al-Bukhari in which the Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* has said: "By Him in Whose Hands my life is, none of you will have faith till he loves me more than his father, his children."

Tsaabit al-Bunaanee Rahmatullah 'alaihi

Tsaabit used to cry a great deal while supplicating Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Someone warned him that he would lose his eyesight if he did not stop weeping like that.

He replied: "What use are these eyes if these do not weep before Allah?"

He used to ask in his Doa: "O Allah! Permit me to offer prayer in my grave, if ever you grant this privilege to any of Thy slaves!" Abu Sinaan *Rahmatullah 'alaihi* narrated that he was at Tsaabit's burial. Just after Tsaabit had been placed in his grave, one of the bricks from the side fell off. Abu Sinaan peeped into the pit and saw Tsaabit offering shalah. After the burial, Abu Sinaan asked Tsaabit's daughter what her father's special practice was. She replied: "He was constant in *Tahajjud* for fifty years and made *dua* every morning asking Allah *Subhanahu wa Ta'ala* to allow him to offer shalah in the grave."

Out of their sincere love for Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, some poor people will offer all that they have in order to serve Him.

In a hadiths by al-Bukhari narrated from 'Abdullah ibn Hisham that: "We were with Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* and he was holding the hand of 'Umar ibn al-Khatthab. 'Umar said to him: "O Allah's Messenger! You are dearer to me than everything except my own self." The Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* said: "No, by Him in Whose Hand is my soul is, (you will not have complete faith) till I am dearer to you than your own self." Then 'Umar said to him: "However, now, by Allah, you are dearer to me than my own self. The Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam*: "Now, O 'Umar, (now you are a believer).

Amr ibn al-'Ash

In a hadiths by Muslim narrated from Amr ibn al-'Ash once said: "No one was more dear to me than the Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* and none was more sublime in my eyes than he. Never could I, pluck courage to catch a full glimpse of his face due to its splendour. So if I am asked to describe his features, I cannot do that for I have not eyed him fully."

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* has a special love for our Prophet Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* and his mission represents the primary means in our age for the realization of divine purpose in history, so that to love him is more than to acquire faith and good qualities and loving Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* is manifested by following his sunnah and preferring his opinion over that of others.

In a hadiths by at-Tirmidzi, narrated from Abu Hurairah, the Prophet *Shallallahu 'alaihi wa sallam* once said to Anas ibn Malik: "O son of Adam! Verily as long as you called upon Me and hoped in Me, I forgave you, despite whatever may have accrued from you, and I did not mind. O son of Adam! Were your sins to reach the clouds of the sky, then you sought forgiveness from Me, I would forgive you, and I would not mind. So son of Adam! If you came to me with sins nearly as great as the earth, and then you met Me not associating anything with Me, I would come to you with forgiveness nearly as great as it."

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-Maa'uun ayat 4,5 dan 6, mafhumnya:

Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Daitu) mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riya'.

Ar-Riya'

Sifat menunjuk-nunjukkan amalan sama ada berbentuk ibadat atau perkara berkeabajikan lain.

Memiliki ar-Riya' sangat dicela oleh syara' dan akan mendapat kecelakaan dan kebinasaan di kemudian hari.



أسماء الأبناء
NAMA ANAK
LAKI-LAKI

Warqa'

ورقاء

Merpati yang Berwarna Kehitaman

Wijdan

وجدان

Sanubari, Hati

Yusya'

يوشع

Nisbah Nama Nabi

Nama-Nama
BISAI
untuk anak
damit



Hadits diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Berilah nama dengan namaku tetapi jangan memberi gelaran dengan gelaranku."



أسماء البنات
NAMA ANAK
BINI-BINI

Qaisharah

قيصرة

Permaisuri

Maitsa'

ميثاء

Yang Lemah Lembut

Yumni

يمني

Keberkatanku



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA

SEMPENA SAMBUTAN
MAULUD NABI MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM
BAGI TAHUN 1439H / 2017M



'Bersih Dari Fitnah Dan Kezaliman'

"Kezaliman biasanya dilakukan oleh pihak-pihak yang kuat atau berkuasa, termasuklah dalam dunia pekerjaan atau perkhidmatan. Kerana itu, beta berkewajipan untuk mengingatkan, supaya sesiapa jua yang dititipkan dengan jawatan atau kuasa, tidak akan menggunakan jawatan atau kuasa itu untuk menzalimi orang lain

Kezaliman yang paling dahsyat ialah 'fitnah': fitnah ke atas orang-orang yang tidak berdosa. Seyugia diingat, fitnah mestilah dijauhi oleh sesiapa saja yang ingin selamat.

Beta mahu, Brunei kita, mestilah bersih dari sebarang gejala fitnah dan kezaliman. Inilah saja modal kita untuk selamat. Allah Subhanahu wa Ta'ala pasti memberkati negara dan kerajaan yang adil."

| Program Keugamaan Belia |

60 TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN

TEMBURONG, Rabu, 13 Zulhijjah bersamaan 13 Julai - Pusat Da'wah Islamiah melalui Unit Urus Setia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Temburong mengadakan Majlis Ibadah Korban bertempat di Balai Ibadah Kampong Sibut, Temburong.

Tetamu kehormat majlis, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, juga selaku Pengerusi Bersama Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan doa selamat yang kemudiannya diteruskan dengan pengagihan daging korban kepada seramai 60 penerima terdiri daripada penduduk-penduduk Kampong Sibut.



AWANG Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah semasa mengagihkan korban kepada salah seorang penerima.

Majlis Ibadah Korban merupakan aktiviti diungkuhkan oleh Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Temburong dalam memenuhi anjuran agama Islam untuk mendidik jiwa serta menyemarakkan hari kebesaran Islam, Hari Raya Aidiladha dan menyebarkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga bertujuan sebagai menjunjung perintah dan melahirkan rasa syukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas kurnia rezeki, meningkatkan keimanan dan ketakwaan para peserta ibadah korban khasnya dalam perkara berkeabajikan.

Di samping itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah dan belia-belia di bawah naungan Program Keugamaan Belia serta penduduk kampung.

Antara kumpulan belia di bawah naungan Program Keugamaan Belia yang turut serta ialah Belia Muallaf As-Syahadah, Belia Da'ie serta peserta-peserta Program Muallaf Mantap.

SERTAI RAKYAT TUNAIKAN SEMBAHYANG AIDILADHA

Oleh: Rokiah Haji Mohamad Serudin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat bersama anakanda-anakanda baginda ke Majlis Menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai para jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha 1443 Hijrah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1443H; dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. sementara Khutbah Sunat Hari Raya Aidiladha dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. ■

KIARONG, Ahad, 10 Zulhijjah bersamaan 10 Julai - Pujian takbir, tasbih dan tahmid bergema lagi di bumi Brunei Darussalam sebagai tanda syukur kita ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas kurniaannya, kita menyambut Hari Raya Aidiladha 1443 Hijrah.

Dalam sama-sama mensyukuri ni'mat yang kita raikan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berserta anakanda-anakanda baginda semasa menunaikan sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha.



SEBAHAGIAN dari jemaah masjid yang hadri bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha.